

MANTERA KECANTIKAN WANITA BAJAU: ANALISIS BAHASA DAN PEMIKIRAN

THE BEAUTY OF BAJAU WOMEN' MANTRAS: LANGUAGE ANALYSIS AND RESEARCH THOUGHT

Rahmah Abdul Ghani¹
Jabatan Pengajian Melayu
Institut Pendidikan Guru Kampus Gaya
Kota Kinabalu

Zahir Ahmad²
Sabzali Musa Kahn³
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

Email:rahmah.ghani@ipgm.edu.my
zahir@um.edu.my²
sabzali@um.edu.my³

Abstrak

Makalah-ini akan membincangkan aspek bahasa dan pemikiran yang terdapat dalam mantera kecantikan wanita Bajau di Sabah. Peralihan amalan animisme kepada Islam telah mewujudkan berlaku suatu sifat yang universal dalam penggunaan dan pengucapan mantera. Struktur mantera telah diberi perubahan dan pembauran Islam, contohnya, mantera akan dimulai dengan lafaz Bismillahir-Rahmanir-Rahim dan diakhiri dengan Laila-hail-lallah. Maka penggunaan dan pengucapan mantera telah menjadi universal sifatnya. Dunia kata-kata dalam mantera boleh merangsang indera manusia untuk berubah menjadi apa yang dimahukannya mengikut amalan individu

tersebut. Kajian ini berbentuk kualitatif, kaedah pengumpulan data kepustakaan dan kajian lapangan digunakan untuk memperoleh data. Temu bual dan kaedah pemerhatian turut serta digunakan. Data dikutip menerusi teknik temu bual yang melibatkan beberapa orang informan. Mantera kecantikan yang diamalkan oleh kaum wanita Bajau digolongkan kepada mantera pemanis, mantera penguat, mantera penunduk, mantera pengasih, mantera pendinding. Dalam mantera-mantera tersebut terdapat kata-kata atau frasa-frasa yang berkaitan dengan amalan dan kepercayaan suku kaum Bajau yang beragama Islam. Amalan – amalan tersebut berupa amalan yang berkait dengan penjagaan kesihatan dan juga penjagaan hubungan di antara individu dalam sesuatu institusi. Wanita yang mengamalkan mantera dan amalan tertentu dilihat lebih berketerampilan dan berkeyakinan. Mereka terlihat lebih anggun apabila mengenakan hiasan-hiasan dan pakaian-pakaian tertentu. Hal ini terlihat apabila mereka mengenakan pakaian dan hiasan pengantin misalnya. Aspek kata dan frasa yang akan diteliti ialah kata-kata yang berkaitan dengan agama Islam seperti nama-nama Nabi, nama sahabat nabi dan juga nama-nama yang berkaitan dengan tokoh-tokoh yang terdapat dalam sastera panji dan juga epik Hindu. Daripada analisis ini juga akan terlihat aspek pemikiran pengamal mantera iaitu pemikiran tentang agama, alam ghaib, dan juga aspek kosmologi.

Kata kunci: Mantera, Kosmologi, Kecantikan, Bajau, Wanita

Abstract

This article discussed the language and thought analysis of mantras among Bajau women's beauty in Sabah. The shift from animism to Islam has created a universal application of mantras. The mantras structure has been transformed according to Islam, for example, the beginning of mantras as with the recitation of *Bismillahir-Rahmanir-Rahim* which ends with *Laila-hail-lallah*. The words in mantras can stimulate the senses in human beings to become according to their through this practice. This research is qualitative and data is collected by literature review and field survey. Interview and observation were also used. The data was collected by interviewing a few informants. The mantras beauty was practiced by the Bajau women are categorized into sweetness mantras, strengthening, obedient, love and protection. In the mantras, there are words and phrases that are related to the belief of Bajau ethnic who are Moslem. The practice of mantra is associated with health care and the relationship between individuals in an institution or a society. Women who practiced mantras are seen as more confident and skillful. They are seen prettier when they use accessories and certain attire for example in a wedding ceremony. The words and phrases used in the mantras are influenced by Islam for example, names of the prophet, names of prophet's "sahabat" and names related to the characters in the Hindu epic and panji literature. From the analysis, the thought process in the practitioner of the mantra are thoughts on religion, supernatural and cosmology aspects.

Keywords: Mantra, Cosmology, Beauty, Bajau, Women

1.0 Pengenalan

Mantera merupakan bentuk puisi yang paling awal dalam kehidupan dan kebudayaan sesebuah masyarakat. Hal ini demikian kerana mantera digunakan oleh anggota masyarakat tatkala berhadapan dengan manusia dan juga bukan manusia. Malah mantera juga digunakan tatkala anggota masyarakat berhadapan dengan fenomena alam seperti hujan ribut, banjir, kebakaran, dan sebagainya. Dalam masyarakat Melayu mantera juga digunakan dalam aktiviti pertanian, aktiviti perhutanan dan lain-lain lagi. Misalnya dalam hikayat-hikayat lama terdapat gelaran untuk Pawang seperti Pawang Rusa, Pawang Gajah, Pawang Laut (Harun Mat Piah, (1989); Awang Had Salleh (1964), Shellabear, (1987)

Masyarakat Bajau juga turut mewarisi mantera sejak daripada kehidupan primitif sehinggalah ke hari ini. Mantera memaparkan jalinan yang amat erat antara kepercayaan, sejarah dan warisan kebudayaan dengan tindak laku masyarakat seharian (Harun Mat Piah,1989: 479). Mantera ialah sejenis puisi yang tidak tentu bentuknya, berangkap atau tidak, mempunyai rima atau tidak. Jika berangkap tidak tentu jumlah larik serangkap dan jumlah perkataan dalam selarik. Mungkin mengandungi bentuk-bentuk yang lain, misalnya pantun; dan biasanya memerlukan beberapa larik atau rangkap yang berturutan untuk membina satu keseluruhan. Dari segi bentuk dan struktur mantera sama dengan talibun, teromba dan lain-lain. Bentuk dan struktur tersebut tergolong sebagai mantera kerana isi dan fungsinya sebagai "mantera" dan digunakan untuk tujuan-tujuan pengubatan, upacara dan perbomohan (Harun Mat Piah et.al, 2000: 23). Mantera ialah karangan berangkap yang

Rahmah Abdul Ghani, Zahir Ahmad & Sabzali Musa Kahn "Mantera Kecantikan Wanita Bajau: Analisis Bahasa Dan Pemikiran" JMS Vol. 2 Issue 1 (2019): 306 - 327

menerangkan *world-view* dan kosmos bagi manusia berhubung dengan makhluk-makhluk ghaib. Mantera menerangkan pemikiran tentang peranan dan kepentingan manusia untuk menguasai ilmu, menghayati alam sekitar, dan hubungan manusia dengan kehidupan, sebuah ekspresi intelektual serta memberi penekanan kepada keindahan dan kehalusannya iaitu dari segi budi dan bahasanya.

Terdapat kajian yang dilakukan terhadap mantera tetapi tidak menjurus kepada aspek kecantikan wanita khususnya masyarakat Bajau. Misalnya, kajian oleh Harun Mat Piah (1989) dan Harun Daud (1999) yang kedua-duanya adalah pada peringkat doktor falsafah. Bagai manapun, kajian Harun Mat Piah mencakupi puisi-puisi yang lain seperti pantun, syair, gurindam dan sebagainya.

Sebuah lagi kajian pada peringkat kedoktoran yang dilakukan oleh Hermansyah pada tahun 2006 di Institut Alam dan Tamadun Melayu(ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia bertajuk "*Alam Orang Melayu: Kajian Ilmu di Embau Kalimantan Barat Indonesia*". Kajian ini adalah mengenai mantera yang diguna pakai oleh masyarakat Embau di Kalimantan Barat dan lebih dikenali sebagai ilmu. Dapatan kajian mendapati bahawa penggunaan ilmu amat fungsional dan luas pemakaiannya dalam masyarakat Embau. Ilmu digunakan dalam lingkaran hidup orang Embau sejak lahir sehingga meninggal dunia. Kajian ini memfokuskan aspek kegiatan dan kepercayaan magis orang Melayu Embau yang dikenali sebagai *Ilmu*. Pengkaji telah berjaya mengumpulkan sebanyak 300 jenis mantera yang meliputi pelbagai aspek seperti kecantikan wanita serta mantera untuk perlindungan diri seperti mantera untuk kekebalan dan sebagainya. Hasil kajian ini telah berjaya membuktikan terdapat kesinambungan kebudayaan, adat istiadat dan kepercayaan

Rahmah Abdul Ghani, Zahir Ahmad & Sabzali Musa Kahn “Mantera Kecantikan Wanita Bajau: Analisis Bahasa Dan Pemikiran” JMS Vol. 2 Issue 1 (2019): 306 - 327

masyarakat Melayu Embau dengan masyarakat bukan Melayu di Pulau Borneo serta masyarakat lain di Semenanjung Malaysia, Sumatera, Jawa dan Maluku.

Hebransyah Usman (2014) telah melakukan kajian peringkat sarjana di Universiti Malaya yang bertajuk “*Mantera dalam perubatan dan perbomohan Melayu Kerinci: Analisis fungsi*”. Beliau menggunakan Pendekatan Sosiologi Sastera dengan menggunakan Teori Fungsional. Sebanyak 60 jenis mantera perubatan dan 60 jenis mantera perbomohan sebagai bahan kajian dalam tesis ini. Dalam kajian yang dijalankan ini, beliau telah merumuskan bahawa dari aspek elemen puitika memaparkan mantera adalah karya sastera puisi Melayu tradisional yang kaya dengan nilai-nilai seni. Dari aspek fungsi dan peranan mantera, sistem perubatan tradisional telah diiktiraf dalam institusi lembaga adat dan institusi kemasyarakatan di alam Kerinci.

2.0 Objektif

Kajian ini akan membincangkan aspek bahasa dan pemikiran yang terdapat dalam mantera kecantikan wanita Bajau di Sabah. Mantera kecantikan yang diamalkan oleh kaum wanita Bajau digolongkan kepada mantera pemanis, mantera penguat, mantera penunduk, mantera pengasih, dan mantera pendinding. Dalam mantera-mantera tersebut terdapat kata-kata atau frasa-frasa yang berkaitan dengan amalan dan kepercayaan suku kaum Bajau yang beragama Islam. Amalan – amalan tersebut berupa amalan yang berkait dengan penjagaan kesihatan dan juga penjagaan hubungan antara individu dalam sesuatu institusi. Wanita yang mengamalkan mantera dan amalan tertentu dilihat lebih berketerampilan dan berkeyakinan. Mereka terlihat lebih anggun apabila mengenakan hiasan-hiasan dan pakaian-pakaian

tertentu. Bagi salah satu suku kaum peribumi yang terdapat di Sabah, iaitu suku kaum Bajau, masyarakat ini juga tidak terkecuali daripada memiliki mantera yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, satu kajian aspek kata dan frasa yang akan diteliti ialah kata-kata yang berkaitan dengan agama Islam seperti nama-nama Nabi, nama sahabat nabi dan juga nama-nama yang berkaitan dengan tokoh-tokoh yang terdapat dalam sastera panji dan juga epik Hindu. Daripada analisis ini juga akan terlihat aspek pemikiran pengamal mantera iaitu pemikiran tentang agama, alam ghaib, dan juga aspek kosmologi dalam masyarakat Bajau di Sabah.

3.0 Metodologi Kajian

Ada dua kaedah yang digunakan dalam penulisan makalah ini. Kaedah yang pertama, iaitu kajian lapangan dilakukan untuk mendapatkan data yang berupa mantera-mantera yang menjadi amalan wanita Bajau di 8 buah kampung dalam daerah Kota Belud, Sabah. Data-data sokongan pula berupa tesis, artikel dalam jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan teori dan mantera diperolehi daripada perpustakaan dan koleksi penulis sendiri.

Kajian ini menggunakan teori fungsional yang melihat budaya sebagai satu keseluruhan yang saling berhubungan untuk analisis data. Teori ini mengkaji bagaimana satu-satu aspek budaya mempunyai kaitan dengan aspek budaya lain, dan juga bagaimana aspek budaya tersebut mempengaruhi seluruh sistem dalam masyarakat. Teori fungsionalisme (aliran moden) sering dikaitkan dengan pendekatan organisme yang membuat analogi bahawa budaya/ masyarakat sebagai satu organisme biologi (misalnya tubuh badan manusia) yang terdiri daripada bahagian-bahagian yang sering berhubungan antara satu sama lain. Maksudnya,

setiap bahagian daripada organisme biologi tersebut mempunyai hubungan fungsional antara satu lain dan sering bergantung. Amalan atau upacara budaya dalam masyarakat Malaysia dari sudut fungsionalisme ziarah / kunjung-mengunjung, upacara keagamaan – seperti kenduri (*feasts*), perhimpunan (*congregation*), sambutan, dan lain-lain. Doa dan bacaan ayat-ayat suci sebelum perjalanan, sebelum temu duga, sebelum menduduki peperiksaan dan sebagainya. Adat resam dalam kitaran hidup (kelahiran, perkahwinan, kematian). Pelbagai kegiatan seni seperti wayang kulit, hadrah, tarian, muzik, dan Lain-lain.

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada aspek hubungan sosial antara anggota masyarakat yang terdiri daripada wanita Bajau yang sudah tentu mempunyai hubungan yang rapat dengan anggota masyarakat yang lain. Demi menjaga kelangsungan hubungan tersebut selain daripada memelihara tingkah laku, bahasa yang digunakan, tolak ansur, bekerjasama dan sebagainya, mereka juga didapati masih mengamalkan mantera-mantera tertentu supaya mereka mudah diterima oleh anggota masyarakat yang lain.

4.0 Analisis Data dan Perbincangan

Dalam mantera, si pengamal sering menggunakan unsur alam sebagai lambang seperti gunung dan laut, bergantung pada bentuk mantera yang digunakan. Jika mantera digunakan sebagai penghias diri atau penggamit kasih, selalunya diungkapkan sesuatu yang indah dan menyenangkan seperti bulan, matahari, bintang dan sebagainya. Jika mantera itu khusus untuk kekuatan tenaga sama ada lahir atau batin, sering kali kekuatan besi seperti besi khursani dirujuk. Pemaparan beberapa mantera memperlihatkan betapa manusia memerlukan suatu kuasa untuk

Rahmah Abdul Ghani, Zahir Ahmad & Sabzali Musa Kahn "Mantera Kecantikan Wanita Bajau: Analisis Bahasa Dan Pemikiran" JMS Vol. 2 Issue 1 (2019): 306 - 327

merubah nasib diri sejajar dengan matlamat yang diinginkan. Ini bersesuaian dengan apa yang dikatakan oleh Noriah Mohamed, (2006, p. 142)

Daripada analisis aspek kata dan frasa yang diteliti, terdapat kata-kata yang berkaitan dengan agama Islam seperti nama-nama Nabi, nama sahabat nabi yang ditemui dalam mantera kecantikan wanita Bajau, dan juga nama-nama yang berkaitan dengan tokoh-tokoh yang terdapat dalam sastera panji dan juga epik Hindu. Daripada analisis ini juga akan terlihat aspek pemikiran pengamal mantera iaitu pemikiran tentang agama dan juga alam ghaib.

Contohnya:

Doa Minyak (Pemanis)

Bismillahir-rahmanir-rahim

Minyakku Si lening-lening

Sandaran matahari

Rupaku mambang kuning

Cahaya bidadari

Berkat doa lailahailallah

Berkat doa Muhammad Rasullullah

Pada zaman dahulu, wanita Bajau mengamalkan pemakaian 'minyak' yang diperoleh daripada lilin lebah di bibir, yang berfungsi sebagai bahan untuk menjaga kecantikan bibir mereka. Mantera ini dimulai dengan penghormatan kepada Allah, iaitu dengan menyebut **Bismillahirrahmannirrahim** dan diikuti dengan ungkapan

mantera menggunakan perlambangan yang melibatkan unsur alam seperti matahari, mambang kuning, bidadari serta penyebutan nama nabi besar kita, iaitu Muhammad SAW. Bentuk dalaman mantera ini merupakan mantera yang mempunyai binaan yang sempurna yang dapat dibahagikan kepada permulaan, isi dan penutup. Unsur-unsur tersebut digunakan sebagai kiasan kepada anggota badan pengamal mantera supaya kelihatan kuat, gagah, berani, cantik dan menarik sama seperti unsur alam yang dikiaskan itu. Kata-kata seperti "matahari", "mambang" dan "bidadari" jelas merupakan sandaran kepada keberkesanan mantera ini. Umumnya kita tahu bahawa matahari memainkan peranan yang penting dalam kehidupan di dunia ini baik untuk manusia, binatang dan juga tumbuh-tumbuhan. Tanpa matahari manusia akan berada dalam kegelapan dan tanpa cahaya matahari juga tumbuh-tumbuhan tidak boleh melakukan proses fotosintesis untuk meneruskan kehidupan. Oleh itu, matahari adalah lambang yang amat sesuai digunakan dalam mantera. Apatah lagi semua planet-planet yang ada di alam ini semuanya berputar mengelilingi matahari. Begitu juga penggunaan kata mambang dan bidadari yang mempunyai tujuan yang sama, iaitu keberkesanan kepada si pengamal mantera ini. Malah penggunaan unsur alam itu juga memberikan keyakinan dan merupakan satu syarat yang perlu ada pada diri pengamal atau orang yang berkaitan dengannya dalam menentukan keberkesanan mantera itu.

Dalam mantera Bajau, banyak ditemui pemakaian kalimah Lailahailallah, Muhammadur Rasulullah, Bismillahirrahmanirrahim, Allah S.W.T, Malaikat, nabi Muhammad dan nabi-nabi yang menjadi lambang keislaman pengamal mantera tersebut. Penggunaan kalimah-kalimah ini menjadi lambang keislaman dalam

Rahmah Abdul Ghani, Zahir Ahmad & Sabzali Musa Kahn “Mantera Kecantikan Wanita Bajau: Analisis Bahasa Dan Pemikiran” JMS Vol. 2 Issue 1 (2019): 306 - 327

sesebuah mantera. Hal ini kerana pengamal mantera Bajau yang beragama Islam percaya dan yakin tidak ada lagi kuasa lain yang dapat mengatasi kuasa Allah S.W.T . Oleh sebab ikatan kelslaman itu, orang Bajau masih berpegang teguh pada kata-kata dan konsep yang mendukungi kalimah-kalimah tersebut.

Selain daripada itu, pada setiap permulaan mantera akan ada penyebutan kalimah agung, iaitu **Bismillahirrahmanirrahim (Dalam bahasa Arab yang bermaksud Dengan Nama Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang))** menggambarkan betapa kuatnya pengaruh Islam dalam jiwa masyarakat Bajau dan cuba disesuaikan amalan tradisi. Nama-nama tokoh besar dalam agama Islam sering ditemui pemakaiannya dalam mantera yang digunakan. Misalnya mantera pendinding ini;

Sahabat (pendinding)

Bismillahir-rahmanir-rahim

Abu bakar, Omar, Othman, Ali

Jibrail, Mikail, Israfil, Izrail

Berkat doa lailahailallah

Berkat doa Muhammad Rasullullah

Dalam mantera pendinding di atas, binaannya juga terdiri daripada binaan yang sempurna yang meliputi permulaan, isi serta penutup. Mantera tersebut memaparkan nama-nama sahabat nabi serta malaikat. Secara tidak langsung mantera ini memaparkan tentang kepercayaan pengamal mantera terhadap Islam dalam memberikan kekuatan serta melindungi pengamal daripada sebarang kemungkinan

yang berlaku. Nama-nama sahabat Nabi Mohammad seperti Abu Bakar, Omar, Othman dan Ali digunakan secara serentak dengan nama malaikat Jibrail, Mikail, Israfil dan Izrail sudah pasti membawa kesan psikologi yang kuat kepada si pengamal. Keyakinan inilah yang memastikan keberkesanan mantera yang diamalkan.

Dalam mantera pemanis. Sama juga dengan contoh yang sebelum ini iaitu dimulai dengan kalimah suci Islam. Bagaimanapun dalam mantera ini terdapat gabungan unsur alam seperti buah asam, madu dan gunung.

Pemanis

Bismillahir-rahmanir-rahim

Asamku silumbi manis

Manis aku dipandang orang

Gelaga yang manis

Manis aku dipandang orang segala

Daripada madu segunung yang manis

Berkat doa lailahailallah

Berkat doa Muhammad Rasullullah

Dalam mantera pemanis, si pengamal menggunakan unsur alam flora dan fauna sebagai perlambangan seperti gunung dan laut, buah asam kelumbi madu dan tebu atau gelaga dalam bahasa Masyarakat Sabah. Penggunaan perkataan ini

bersesuaian dengan jenis mantera yang digunakan iaitu mantera pemanis. Secara fitrahnya orang perempuan akan sentiasa tertarik dengan asam. Dalam pemakanan seharian. contohnya, jika asam tidak digunakan dalam masakan maka makanan itu akan menjadi kurang sedap, manakala buah kelumbi mdipercayai sangat masam rasanya tetapi orang sentiasa tertarik untuk mendapatkannya untuk digunakan sebagai pencukup rasa dalam masakan. Penggunaan perkataan seperti madu, gelaga manis adalah untuk menunjukkan lagi kehebatan sipengamal agar kelihatan hebat. Kesemua perkataan tersebut berkisar tentang kewujudan PenciptaNya, alam, dan agama Islam.

Terdapat juga mantera yang dikumpul yang menghampiri bentuk pantun, iaitu ianya terdiri daripada empat baris, empat perkataan sebaris dan mempunyai rima akhir a/b/a/b. Mantera ini dikelompokkan sebagai mantera pemanis. Lihat contoh berikut;

Mantera Pemanis

Tuan Puteri Tanding dalam medan
Angkat muka pandang ke hadapan
Engkaulah puteri cantik penghabisan
Patutlah buat contoh tauladan

Dua baris di atas terlihat sebagai pembayang kepada maksud yang terletak pada dua baris yang di bawah yang bermaksud si pengamal itulah yang tercantik jika

mengamalkan mantera pemanis ini. Suka dijelaskan di sini bahawa agak jarang ditemui mantera yang dibuat dalam bentuk pantun yang seperti di atas. Dengan yang demikian dapat memperjelaskan bahawa bentuk pantun juga popular dalam masyarakat Bajau sepertimana juga masyarakat Melayu.

Selain daripada itu terdapat pantun yang dimulakan dengan kata Assalamualaikum, sesuatu yang agak berbeza dengan dengan beberapa contoh di atas yang dimulakan dengan Bismillahirrahmannirrahim. Misalnya contoh mantera pengasih ini,

Mantera Pemanis

Bismillahir-rahmanir-rahim

Assalamualaikum

Ribu-ribu di tengah jalan

Aku juga dipandang manis

Ribu-ribu aku berjalan

Aku juga dipandang manis

Berkat doa lailahaillah

Berkat doa Muhamad Rasulullah

Jelas sekali bahawa mantera ini diamalkan oleh seseorang yang beragama Islam dan memberi salam itu adalah sesuatu yang disuruh dalam agama. Kata-kata

penutupnya adalah pergantungan nasib atau keberkatan yang diharapkan kepada junjungan besar kita, iaitu Nabi Muhammad.

Terdapat juga beberapa mantera yang dimulai dengan penyebutan terus kepada si pengamal mantera tanpa ada kata-kata pengenalan seperti memberi salam atau mengucapkan Bismillah...Misalnya contoh berikut;

Mantera Pemanis

Bismillahir-rahmanir-rahim

Aku memakai pemanis si Rajawali

Rupaku macam Nabi Yusof

Suaraku seperti suara Nabi Allah Daud

Angin turun angin berhenti

Hujan turun hujan berhenti

Pasang air berhenti

Surut air berhenti

Mendengar suaraku

Burung terbang burung berhenti

Suaraku seperti suara Nabi Allah Daud

Berkat doa lailahaillah

Berkat doa Muhamad Rasulullah

Melihatkan struktur mantera ini adalah sama seperti mantera-mantera yang lain, iaitu terdapat pengulangan kata-kata tertentu yang berupa penegasan. Yang diulang dalam mantera di atas ialah perkataan gantidiri "aku", manakala yang digandingkan ganti diri aku ini dengan sifat-sifat yang ada pada Rasul serta Nabi besar seperti Nabi Yusof yang terkenal kerana ketampanannya, Nabi Daud kerana suaranya yang menyebabkan perjalanan alam (lumrah alam) tidak berlaku sepertimana biasa jika terlihtkan si pengamal mantera ini. Gambaran kata-kata "angin turun angin berhenti", "hujan turun hujan berhenti". Malah mantera ini juga boleh menyebabkan air pasang dan surut turut terganggu. Burung yang sedang berterbangan juga boleh terhenti. Semuanya terjadi kerana terlihat rupa dan suara si pengamal mantera.

Kajian oleh Harun Mat Piah (1989, p. 483) mendapati ada mantera yang menggunakan nama-nama yang berkaitan dengan tokoh-tokoh yang terdapat dalam sastera panji dan juga epik Hindu.

Contohnya:

Assalamualaikum, hai berna kuning

Aku tahu akan asalmu

Mu tumbuh di bukit Gunung Siguntang Mahameru

Berdaun perak, berbatang suasa, berbuah emas

Aku nak minta jadi anak panah Sei Rama

Anak panah Rajuna, Wong Inu Kertapati

Insya Allah dengan kuasa Allah

Muhammad Rasulullah.

Aspek pemilihan perkataan dalam mantera di atas jelas mencerminkan sistem kepercayaan masyarakat Melayu serta penciptanya. Sistem kepercayaan itu telah lama wujud sejak zaman animisme yang mempercayai semua kejadian mempunyai semangat. Contohnya semangat padi yang dikaitkan dengan cerita mitos dalam *Sejarah Melayu*. Begitu juga penggunaan nama tokoh-tokoh wira seperti Seri Rama, Rajuna, Wong Inu Kertapati. Nama-nama ini adalah bukanlah yang dikenali dalam epik Ramayana dan Mahabharata India, tetapi adalah salah seorang Dewa di kayangan yang diterjemahkan dalam cerita Panji Melayu dan Jawa (Harun Mat Piah, 1989:483) Walau bagaimanapun, berdasarkan kajian yang dilakukan, penggunaan mantera sebegini tidak ada dalam masyarakat Bajau.

Mohd. Taib Osman (1977) telah menyatakan bahawa terdapat tiga teras dalam pemikiran orang-orang Melayu, iaitu anutan kepada keislaman, kepercayaan warisan animisme Hinduisme-Buddha dan pengetahuan empirikal bercorak pemikiran saintifik. Oleh sebab idea keislaman menduduki tempat teratas dalam konsep pemikiran Melayu, maka mereka sentiasa berusaha mengamalkan ibadah mengikut tuntutan dan ajaran agama tersebut tanpa sebarang bantahan. Penggunaan kata-kata seperti Harimau, bidadari, Tadung Mata dan sebagainya mungkin memaparkan kehebatan yang diharapkan pada diri penuturnya supaya kelihatan berbeza daripada orang lain. Perbezaannya kebanyakan manusia cuba menghindari diri daripada perkara yang merbahaya tetapi kehebatan yang ada pada manusia akan segera dicari untuk didampingi.

Dalam mantera, si pengamal sering menggunakan unsur alam sebagai lambang seperti gunung dan laut, bergantung pada bentuk mantera yang digunakan. Jika mantera digunakan sebagai penghias diri atau penggamit kasih, selalunya diungkapkan sesuatu yang indah dan menyenangkan seperti bulan, matahari, bintang dan sebagainya. Jika mantera itu khusus untuk kekuatan tenaga sama ada lahir atau batin, seringkali kekuatan besi seperti besi khursani dirujuk. Pemaparan beberapa mantera memperlihatkan betapa manusia memerlukan suatu kuasa untuk merubah nasib diri sejajar dengan matlamat yang diingini. Sikap kebergantungan manusia amat ketara sehingga dicipta suatu mantera yang ampuh dan mujarab di samping memohon kepada suatu kuasa yang mutlak untuk mengabulkannya (Noriah Mohamed, 2006, p. 142).

5.0 Rumusan

Berdasarkan analisis, didapati bahawa kebanyakan ungkapan mantera tersebut menggunakan bahasa perlambangan yang melibatkan unsur alam seperti binatang, bulan, bintang dan juga matahari. Unsur-unsur tersebut digunakan sebagai kiasan kepada anggota badan pengamal mantera supaya kelihatan kuat, gagah, berani, cantik dan menarik sama seperti unsur alam yang dikiaskan itu. Malah penggunaan unsur alam itu juga memberikan keyakinan dan merupakan satu syarat yang perlu ada pada diri pengamal atau orang yang berkaitan dengannya dalam menentukan keberkesanan mantera itu. Dalam pembacaan mantera Melayu, banyak menggunakan kalimah *Lailahaillallah*, *Muhammadur Rasulullah*, *Bismillahirrahmanirrahim*, Allah S.W.T, Malaikat, nabi Muhammad dan nabi-nabi yang menjadi lambang keislaman pengamal mantera tersebut. Penggunaan kalimah ini

menjadi lambang gerbang keislaman dalam pembentukan sesebuah mantera. Hal ini demikian kerana pengamal mantera Bajau yang beragama Islam menganggap tidak ada lagi kuasa lain yang dapat mengatasi kuasa Allah S.W.T dan malaikatNya. Oleh sebab ikatan keislaman itu, orang Bajau masih berpegang teguh pada konsep tradisi Islam dengan penggunaan kalimah-kalimah tersebut.

Hasil kajian jelas membuktikan bahawa mantera kecantikan yang diamalkan oleh wanita-wanita Bajau sepertimana yang dibincangkan di atas tadi berupaya meletakkan diri mereka yang mengamalkannya kekal berada dalam masyarakat dalam keadaan yang harmoni. Mereka dihormati, dipandang tinggi, sering dilantik memegang jawatan penting dalam masyarakat atau jika mereka berada dalam institusi keluarga mereka akan menjadi suri rumah yang baik. Hal ini demikian kerana kata-kata mereka, tingkah laku mereka akan sentiasa disenangi oleh para suami dan juga anak-anak. Amalan mantera-mantera yang berhubungan dengan aspek kecantikan ini juga berupaya menjadikan si pengamalnya tidak mudah sakit, sentiasa awet muda yang sudah tentu menjadikan diri pengamalnya menjadi tumpuan anggota masyarakat. Dapatan kajian yang dilakukan rata-rata responden yang ditemui menyatakan mereka sihat dan selalunya tidak mempunyai masalah dalam kehidupan bermasyarakat. Jelas sekali interaksi sosial berjalan dengan lancar sepertimana yang terdapat dalam teori fungsional.

Rujukan

- Al Syed Sheikh Ahmad Al Hadi.(1985). *Hikayat Faridah Hanom*, Kuala Lumpur: PustakaAntara.
- Endicott, K.M. (1970). *An Analysis of Malay Magic*. : Oxford University Press
- Zacot, Francois-Robert. (2008). *Orang Bajo*, Gramedia, Jakarta.
- Gimlettee. (1923). *Malay Poisons and Charms*. : London
- Haron Daud. (2001). *Mantera Melayu: Analisis Pemikiran*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Harun Mat Piah et.al. (2000). *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasadan Pustaka.
- Harun Mat Piah. (1989). *Puisi Melayu Tradisional: Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hermansyah. 2006, *Alam Orang Melayu:Kajian Ilmu di Embau Kalimantan Barat Indonesia*. Universiti Kebangsaan Malaysia :Institut Alam dan Tamadun Melayu(ATMA).
- Hebransyah Usman. (2014). *Mantera dalam perubatan dan perbomohan Melayu Kerinci:Analisis Fungsi*.Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu
- Fuller, J.C. (2008). *Exploring the Complex Relationship Between Feminist Identity and Beauty Practices in Young Womens Lives*, Tesis Master, The University of New Brunswick, Canada.
- Morrison, J. (1993). *Bajau Gender: A Study of the Effects of Socio-Economic Change on Gender Relations in a Fishing Community of Sabah, East Malaysia*, Tesis Phd University of Hull.
- Sasson, J.H. (2012). *When Beauty Matters Too Much: Understanding and Treating Women Obsessed With Their Physical Appearance*, Master of Arts in Counseling Psychology, Pacifica Graduate Institute, Ann Arbor, Amerika.
- Kamus Dewan. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lutfi Omar. (1988). *Pengasih: Satu Kajian Kes Di Kampung Pangkal Durian, Mahang Kelantan*. Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Malinowski, B. (1960) *A Scientific Theory Of Culture And Other Essays*. New York :Oxford University Press.

- Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim (peny). (2007). *Pandangan Semesta Melayu Mantera* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa danPustaka.
- Noriah Taslim. (2007). Mekanisme Kuasa dalam Mantera: Satu Analisis dari Pendekatan Pragmatik" dlm *Pandangan Semesta Melayu Mantera*. Rogayah A.Hamid & Mariyam Salim, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. (2006). Sentuhan rasa dan fikir dalam puisi Melayu tradisional. Bangi: Universiti KebangsaanMalaysia.
- Pawang Ana dan Raja Haji Yahya. (1985). *Hikayat Malim Demam*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Salmah bin Omar. (2010), Penjagaan Kesihatan Masyarakat Melanau Islam Kampung Jepak,Bintulu, Sarawak, Tesis Phd Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sharifah Suraya binti Syed Jamaluddin. (2010). Penjagaan Kesihatan Wanita Melayu Kampung Selatung, Perak, Tesis Phd Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Sharipah Azizan Bte Syed Ahmad. (1984/85). Ilmu Pemanis: Satu Tinjauan Mengenai Unsur Ritual,Simbolik dan estetika Masyarakat di Kampung Jelawat Kelantan: Pengajian AsiaTenggara. Fakulti Sastera dan Sains Sosial.Universiti Malaya. Kuala Lumpur
- Siti Nor Liza Pardei. (1993). Amalan Menyerikan Wajah Orang Melayu. Latihan Ilmiah Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Siti Zurializa Binti Mahmud. (2000/1).Penjagaan Kecantikan di kalangan Wanita Melayu: Suatu Kajian Kes di Daerah Klang Selangor.Jabatan Sosiobudaya Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya Kuala Lumpur
- The New Penguin English Dictionary*. (2000). London: Penguin Books Limited.
- Wan Zainun Binti Wan Sulaiman. (1990/1991). Penjagaan Kecantikan Di Kalangan Wanita Melayu. Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu. Universiti Malaya
- Yap Beng Liang. (1990). *Perubahan Sosial dalam Masyarakat Bajau Kota Belud Sabah*. Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

